



Majlis Amanah Rakyat (MARA): A Study On The Transformation Of Its Mandates

(Majlis Amanah Rakyat (MARA): Penelitian Terhadap Transformasi Amanah-Amanah)

Ab Bassit Husain ^{1,2} & Shamsul Amri Baharuddin ²

^{1,2} Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT)

²Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Corresponding Author : abshamsul@gmail.com

ABSTRACT

This study aims to analyze the mandates entrusted to the Majlis Amanah Rakyat (MARA) within Malaysia's development plans. As an agency established to accelerate economic development, particularly among the Bumiputera community, MARA has been given key responsibilities to help achieve the nation's development goals. This study examines the transformation of these entrusted mandates in alignment with the current national development objectives. The research adopts a qualitative approach by analyzing official Malaysian development plan documents. The findings of this study are expected to provide a comprehensive overview of the responsibilities assigned to MARA in achieving national development goals. The results are also hoped to offer recommendations for enhancing the effectiveness of MARA's programs in empowering the Bumiputera community's economic and social well-being in the future.

Keywords: Inequality, policy, Majlis Amanah Rakyat (MARA)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis amanah-amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam rancangan-rancangan pembangunan Malaysia. Sebagai sebuah agensi yang ditubuhkan untuk mempercepatkan proses pembangunan ekonomi khususnya dalam kalangan masyarakat Bumiputera, MARA telah diberikan amanah-amanah penting untuk membantu mencapai matlamat pembangunan negara. Kajian ini meneliti mengenai transformasi amanah-amanah yang telah diberikan yang bersesuaian dengan matlamat semasa pembangunan negara. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis dokumen rasmi rancangan-rancangan Malaysia. Dapatan kajian ini dijangka memberikan gambaran menyeluruh tentang amanah-amanah yang telah diberikan kepada MARA dalam mencapai matlamat pembangunan negara. Hasil daripada kajian ini juga diharap dapat memberi saranan untuk meningkatkan keberkesanan program-program MARA dalam memperkasa ekonomi dan sosial masyarakat Bumiputera di masa hadapan.

Kata Kunci : ketidaksetaraan, polisi, Majlis Amanah Rakyat (MARA)



PENGENALAN

MARA ini dihasilkan daripada Revolusi Kongres Ekonomi, sebuah agensi khusus yang ditubuhkan khusus untuk membantu untuk meningkatkan kedudukan sosio ekonomi orang Melayu Bumiputera. Kolonialisasi telah membawa impak yang besar kepada orang Melayu Melayu Bumiputera, di mana dipinggirkan dari arus pembangunan ekonomi moden oleh penjajah Inggeris dan ini menjadikan orang Melayu dalam kemiskinan dan berlakunya ketidaksamarataan dalam masyarakat Malaysia. Sehingga kini, isu kemiskinan, kepinggiran, ketinggalan masih menjadi antara isu-isu utama yang sering dibahaskan yang melibatkan orang Melayu Bumiputera.

KONSEP KETAKSAMARATAAN

Ketidaksamarataan telah menjadi satu isu struktur dalam kebanyakan masyarakat moden, terutamanya dalam konteks pembangunan ekonomi yang didorong oleh sistem kapitalisme global. Dalam sosiologi pembangunan, ketidaksamarataan merujuk kepada keadaan di mana individu atau kelompok mempunyai akses yang berbeza terhadap sumber daya ekonomi, pendidikan, kesihatan, dan peluang sosial. Ia bukan sahaja berkisar kepada aspek pendapatan semata-mata, tetapi merangkumi pelbagai dimensi seperti status sosial, kuasa politik, dan akses kepada kemajuan teknologi.

Pandangan sarjana melihat ketidaksamarataan dalam teori pembangunan boleh dilihat kepada pandangan Amartya Sen (1999). Sen menegaskan bahawa ketidaksamarataan tidak wajar diukur hanya dari segi pengagihan pendapatan, tetapi harus dilihat sebagai kekangan terhadap kebebasan individu untuk membuat pilihan dalam hidup mereka. Dalam pandangan ini, pembangunan ialah pengembangan kebebasan asas manusia, dan ketidaksamarataan dilihat sebagai penghalang utama terhadap proses ini.

Goesling dan Baker (2008) memperkenalkan pendekatan multidimensional dalam memahami ketidaksamarataan, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti kesihatan, pendidikan, dan mobiliti sosial. Mereka berhujah bahawa ketidaksamarataan dalam satu dimensi akan memberi kesan langsung kepada dimensi lain, mencetuskan kitaran ketidaksamarataan yang berterusan.

Stiglitz (2012) pula menyoroti kegagalan kuasa pasaran sebagai faktor utama ketidaksamarataan. Dalam sistem kapitalisme moden, pasaran sering gagal menyediakan peluang pekerjaan yang adil dan efisien, menyebabkan pembaziran sumber, pengangguran, dan jurang sosial yang melebar.

Pandangan sarjana melihat ketidaksamarataan dalam dimensi politik pula boleh dilihat kepada pandangan Piketty (2014) dalam *Capital in the Twenty-First Century* yang mengemukakan hujah bahawa ketidaksamarataan didorong oleh dua kuasa bertentangan: *forces of convergence* dan *forces of divergence*. Yang pertama merujuk kepada usaha untuk mengurangkan jurang melalui pendidikan dan dasar pengagihan semula, manakala yang kedua berkaitan dengan pengumpulan kekayaan oleh golongan elit yang menggunakan pengaruh politik untuk mengekalkan status quo. Ketidaksamarataan, menurut beliau, adalah hasil gabungan antara mekanisme ekonomi dan pengaruh politik.



Giddens & Sutton (2013) pula menjelaskan bahawa ketidaksamarataan boleh dibahagikan kepada ketidaksamarataan sosial dan ekonomi. Ketidaksamarataan sosial berkait rapat dengan struktur kelas dan status dalam masyarakat, manakala ketidaksamarataan ekonomi menumpukan kepada agihan kekayaan dan pendapatan yang tidak seimbang.

Ketidaksamarataan juga boleh dilihat dari dimensi-dimensi berikut pertamanya ketidaksamarataan peluang, ketidaksamarataan pendapatan dan ketidaksamarataan pendapatan. Pertamanya ketidaksamarataan peluang merujuk kepada perbezaan dalam akses terhadap perkhidmatan asas seperti kesihatan dan pendidikan. Golongan miskin seringkali tidak dapat mengakses perkhidmatan ini dengan mudah, sekaligus menyukarkan mereka untuk meningkatkan taraf hidup.

Keduanya dari dimensi ketidaksamarataan pendapatan pula mengikut pandangan Todaro & Smith (2015) yang menyatakan bahawa ketidaksamarataan pendapatan yang melampau menyebabkan ketidakstabilan ekonomi dan sosial. Ia memberi kelebihan kepada golongan kaya untuk menguasai kuasa politik dan ekonomi, dan melemahkan solidariti sosial. Dimensi ketiga pula melihat dari sudut ketidaksamarataan institusi dan organisasi. Institusi sosial dan ekonomi memainkan peranan penting dalam menentukan struktur ganjaran dan peluang. Organisasi menentukan siapa yang memperoleh gaji tinggi, kenaikan pangkat, dan akses terhadap peluang pekerjaan yang berkualiti. Ketidaksamarataan institusi ini akhirnya menyumbang kepada pembentukan kelas sosial yang berbeza secara struktural.

Ketidaksamarataan yang tidak ditangani dengan berkesan boleh menjejaskan keupayaan masyarakat untuk berkembang secara lestari. Ia melemahkan kohesi sosial, meningkatkan risiko konflik, dan mengurangkan kecukupan ekonomi (Dahl 1975). McMichael (2004) turut mengaitkan ketidaksamarataan sebagai salah satu cabaran utama dalam pembangunan moden, bersama isu pembangunan tidak sekata dan ketidaktentuan ekologi. Ketidaksamarataan merupakan cabaran multidimensi yang memerlukan perhatian serius dalam setiap aspek dasar pembangunan. Ia tidak boleh dilihat hanya sebagai masalah ekonomi, tetapi perlu ditangani melalui pendekatan holistik yang merangkumi pendidikan, kesihatan, keadilan sosial dan reformasi institusi. Pemahaman terhadap teori-teori sosiologi dan ekonomi memberi panduan yang penting untuk merangka strategi yang lebih saksama dan mampan dalam menstruktur semula masyarakat yang lebih adil.

MALAYSIA DAN KETIDAKSAMARATAAN : DASAR AWAM SEBAGAI SOLUSI

Dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris di Tanah Melayu telah memberi impak yang besar terhadap kemunduran ekonomi orang Melayu. Sistem ekonomi pasaran bebas yang diamalkan oleh penjajah Inggeris, bersama dengan penggunaan sistem upah murah dan import buruh asing dari China dan India, telah memberi keuntungan yang besar kepada pihak penjajah. Namun, dasar ini juga membawa kepada kepinggiran, kemiskinan, dan ketidaksamarataan yang jelas antara orang Melayu dan etnik-etnik lain.



Penjajahan ini menempatkan orang Melayu dalam kedudukan yang lemah dalam ekonomi, kerana mereka kebanyakannya terlibat dalam sektor pertanian tradisional dan terpinggir daripada sektor perladangan serta perlombongan yang didominasi oleh migran Cina dan India. Pemisahan ekonomi ini menyumbang kepada kesenjangan sosial yang ketara, di mana orang Melayu menjadi miskin dan terpinggir dalam sistem ekonomi yang didominasi oleh kaum asing.

Polisi ekonomi pasaran bebas yang dipraktikkan oleh penjajah British telah memberikan impak yang besar kepada orang Melayu. Menurut Shamsul (1997), era kolonial telah memperlihatkan bahawa penjajah telah menjadikan di mana “...*was arrested and indigenous economy development marginalized by colonial subjugation and immigrant encroachment*”, telah menyumbang kepada kemunduran ekonomi di kalangan orang Melayu. Menurut Roff (2003) impak penjajahan Inggeris dalam bidang ekonomi telah meminggirkan orang Melayu dan menjadikan taraf sosio ekonomi dan kehidupan yang jauh ke belakang berbanding dengan orang Cina dan India. Orang Melayu yang ditinggalkan dalam arus ekonomi moden yang berpusatkan kepada kuasa pasaran bebas telah meminggirkan orang Melayu yang telah terperangkap dan diperangkap dalam kedaifan.

Penjajah British telah memperoleh tenaga buruh murah yang tidak terbatas jumlahnya daripada China dan India bagi menjalankan projek pembangunan kolonial, terutamanya dalam perlombongan bijih timah dan pembukaan ladang pertanian. Buruh asing ini memainkan peranan penting dalam menggerakkan ekonomi penjajah British, yang bertujuan untuk mengaut kekayaan melalui sumber-sumber alam yang ada di Tanah Melayu.

Namun, penjajah British tidak memberikan peluang kepada orang Melayu untuk terlibat dalam sektor perlombongan dan pertanian komersial yang berkembang pesat pada masa itu. Hal ini menyebabkan orang Melayu terus kekal dalam sektor pertanian tradisional, yang lebih berfokus kepada pertanian sara diri. Kesan ketidakseimbangan sosial ini jelas terlihat, di mana orang Melayu semakin terpinggir daripada sektor-sektor utama ekonomi yang menguntungkan.

Pembangunan ekonomi di bawah pemerintahan British telah menghasilkan sistem dualisme ekonomi, di mana terdapat pemisahan jelas antara sektor ekonomi moden yang dikuasai oleh kaum Cina dan India (terutama dalam perlombongan bijih timah dan ladang-ladang besar), dan sektor ekonomi tradisional yang didominasi oleh orang Melayu. Dualisme ekonomi ini telah memberikan impak negatif kepada orang Melayu, yang terus ketinggalan dalam pembangunan ekonomi, menjadikan mereka semakin terpinggir dalam masyarakat kolonial.

KEPINGGIRAN

Polisi penjajah British kepada bangsa tamu iaitu orang Melayu sebagai anak watan adalah berdasarkan kepada andaian ciri-ciri ras yang dicipta oleh penjajah bahawa orang Melayu tidak berkemampuan dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2005):

“British policies towards the Malays therefore were designed, at best, to guide them in



the direction of those activities considered beneficial to them and commensurate with their limited capacities, and at worst, to prevent them from any attempts at involvement in commercial and entrepreneurship opportunities involving British capital”.

Oleh itu, dasar-dasar British terhadap orang Melayu direka, paling baik, untuk membimbing mereka ke arah aktiviti-aktiviti yang dianggap bermanfaat kepada mereka dan sepadan dengan keupayaan mereka yang terhad, dan paling teruk, untuk menghalang mereka daripada sebarang percubaan untuk terlibat dalam peluang komersial dan keusahawanan yang melibatkan modal British.

Surat khabar British “*The Guardian*” telah menggambarkan situasi orang Melayu dari segi ketinggalan ekonominya dengan mengatakan (Sowell, 2004):

Malays were on the sidelines in their own society, with hardly any place in economic life, little role in the media, and not much more in intellectual and academic life. So action which would normally be inadmissible, interventions in the economic, cultural and education sphere to give Malays a chance to catch up, ought to be permitted. Foreign firms and governments which blocked Malay progress could be similarly treated.

Jika diselusuri sejarah, pemerintah British telah memulakan inisiatif dengan menubuhkan perusahaan awam di Malaya sejak zaman penjajahan lagi. Selepas tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu (PTM) tahun 1948, British menyedari tentang keperluan untuk mewujudkan beberapa perusahaan awam untuk melicinkan proses perjalanan PTM 1948. Dalam sistem pemerintahan tradisional sebelumnya, strukturnya sudah amat berbeza dengan sistem baharu dalam PTM 1948. Dalam satu laporan yang dikemukakan, British menyatakan tentang keperluan untuk menubuhkan beberapa perusahaan awam yang khusus untuk “*undertaking of a commercial character*”. Menurut Salleh & Rani (1991):

The public enterprises then were largely confined to the departmental form of enterprises which controlled the so-called natural monopoly sector or decreasing-cost public utilities and transportation, such as postal, telecommunications, electricity and railway services.

Semasa era kolonial British, kebanyakan barang-barang pengguna di Tanah Melayu diimport dari British. Penjajah British tidak membangunkan sebarang tarif perlindungan (*protective tariff*) dan juga sebarang insentif khas untuk membangunkan perusahaan tempatan.

Jika disoroti sejarah awal, kegagalan penguasaan ekonomi orang Melayu adalah bermula melalui penjajahan terutamanya dengan Dasar Pecah Perintah penjajah Inggeris dalam pentadbirannya. Dari segi politik pula, wujudnya masyarakat majmuk melalui pengasingan tempat tinggal dan kewujudan parti politik berasaskan kaum, manakala dari segi ekonomi pula, etnik bukan Melayu menguasai ekonomi, terutamanya etnik Cina. Sistem ekonomi pasaran bebas yang dipraktikkan oleh penjajah British dan kemudiannya diteruskan oleh pemerintah Malaysia pasca kemerdekaan telah memberikan kesan negatif kepada orang Melayu khususnya.

Penguasaan ekonomi di Malaysia berada di dalam tangan orang Cina, yang dilihat mempunyai kelebihan menguasai industri dan kemahiran khusus. Industri kecil, industri



peladangan dan syarikat-syarikat perniagaan, perdagangan dan bank dikuasai secara besar oleh orang Cina. RIDA adalah antara beberapa agensi yang ditubuhkan oleh pemerintah untuk meningkatkan situasi sosio ekonomi orang Melayu, akan tetapi RIDA dengan keterbatasan yang ada, tidak mampu untuk berfungsi dengan baik.

Dalam tempoh awal kemerdekaan sehingga tahun 1969, sistem ekonomi yang diamalkan ialah berbentuk pasaran bebas di mana pemerintah tidak campur tangan secara langsung dalam ekonomi tetapi pemerintah memihaki modal asing (melalui pelbagai akta untuk melaksanakan dasar pengantian import) di samping mengawal tata undang-undang dan menyediakan kemudahan awam (Rahimah Abdul Aziz 2000). Pendekatan pasaran bebas yang diamalkan pemerintah walaupun agak berjaya mewujudkan pertumbuhan ekonomi, tetapi ianya gagal dalam menangani persoalan dilema Melayu. Tambahan lagi, ianya telah meningkatkan ketidakseimbangan antara kaum dan rasa tidak selamat di kalangan orang Melayu khususnya terhadap kuasa politik mereka (Rahimah Abdul Aziz, 2000)

Mulai pertengahan dekat 1960-an, terdapat sedikit perubahan dalam dasar tidak campurtangan pemerintah hasil desakan sejumlah kecil ahli perniagaan, ahli politik dan pentadbir Melayu yang mahu pemerintah mengambil langkah yang lebih tegas dengan mewujudkan beberapa institusi bagi membolehkan pengembangan kelas kapitalis dan kelas menengah Melayu. Tuntutan yang dikemukakan dalam dua kali Kongres Ekonomi Bumiputera yang diadakan pada tahun 1965 dan 1968 yang kemudiannya menghasilkan penubuhan Bank Bumiputera Malaysia Berhad, Perbadanan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Pembangunan Bandar (UDA), dan Insitut Teknologi MARA (ITM) yang menggantikan pusat latihan *Rural Industrial Development Authority* (RIDA) (Abdul Rahman Embong, 2000).

Sebelum tahun 1969, pemerintah tidak memajukan kepentingan orang Melayu dalam sektor ekonomi secara terbuka dan natijahnya penglibatan yang sangat kecil sahaja dalam sektor ekonomi, walaupun ianya bukan bermakna tiada kemajuan langsung. Jelasnya, belum ada dasar ekonomi yang kukuh bagi membantu orang Melayu dalam sektor ekonomi. Pada tahun 1970, 49.3% daripada penduduk Malaysia hidup di bawah garis kemiskinan yang meliputi 64.8% masyarakat Bumiputera, 39.2% masyarakat India dan 26.0% masyarakat Cina. Selain itu, wujud jurang sosioekonomi yang ketara, terutamanya dalam kalangan masyarakat Bumiputera, yang hanya memiliki 2.4% ekuiti sektor korporat, mempunyai purata pendapatan isi rumah sebanyak 65.0% daripada purata pendapatan negara dan kebanyakannya bekerja dalam sektor tradisi di luar bandar (masyarakat Bumiputera mewakili 74.0% dalam sektor pekerjaan tersebut). (Malaysia 2010:147)

Sehingga tahun 1969, pemerintah telah mempunyai anggapan bahawa “tolak ansur” antara orang Melayu dan bukan Melayu dalam sektor ekonomi dan politik negara sudahpun diterima baik. Akan tetapi rusuhan 13 Mei 1969 telah menunjukkan situasi yang sebaliknya, bahawa keadaan politik dan ekonomi adalah tidak seperti yang digambarkan. Kebanyakan pemerhati membuat kesimpulan bahawa orang Melayu tidak berpuas hati dengan kadar pemodenan yang terlah berlaku dan anggapan bahawa aktiviti mereka seharusnya tertumpu kepada soal politik semata-mata. Sebaliknya, etnik bukan Melayu pula tidak berpuas hati



bahawa mereka seharusnya berkecimpung dalam aktiviti ekonomi sahaja dan juga tidak bersetuju dengan konsep hak istimewa orang Melayu seperti tercatat di perlembagaan Malaysia (Zakaria Ahmad, 1983). Peristiwa 13 Mei telah membawa satu dimensi baru dalam proses pembangunan Malaysia, akhirnya pemerintah menyadari dasar pasaran bebas yang dijalankan telah mengakibatkan berlakunya ketegangan dan konflik antara kaum yang teruk. Lantaran itu, dasar laissez faire telah digantikan dengan dasar campurtangan pemerintah.

Tun Razak kemudiannya telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) berteraskan sektor perindustrian. Dalam rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), pemerintah telah menumpukan kepada usaha untuk menyelesaikan masalah perbezaan ekonomi di antara sektor dan etnik supaya matlamat perpaduan negara dapat dicapai dan dikekalkan. Melalui dasar afirmatif dalam DEB, pemerintah bertindak aktif memajukan bidang ekonomi khususnya untuk membantu etnik Bumiputera. Pemerintah menyadari bahawa ketidakseimbangan antara etnik dalam ekonomi tidak boleh diperbaiki jika hanya melalui kuasa pasaran semata-mata. Oleh itu, DEB digubal untuk mencapai matlamat utama perpaduan nasional melalui objektif serampang dua mata iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. (Malaysia 2010:147).

Perincian dasar dalam rancangan-rancangan Malaysia yang telah dirangka oleh kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi orang Melayu dapat dilihat dalam Jadual 3 dibawah.

Jadual 3 : Rancangan-Rancangan Malaysia dan Fokus Utama Pembangunan Bumiputera

RANCANGAN	DASAR PEMBANGUNAN	FOKUS UTAMA PEMBANGUNAN BUMIPUTERA	
		Isu Struktur	Inisiatif
Draf Development Plan (1950 – 1954)	Kolonial Inggeris		
Rancangan Malaya 1 (1955 – 1960)	Pasca Kemerdekaan (1956-1970)		
Rancangan Malaya 2 (1961 – 1965)			
RMKe-1 (1966 -1970)			
RMKe-2 (1971-1974)	Dasar Ekonomi Baru (1971-1990)	Kadar kemiskinan tinggi dan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi	• Meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera • Mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) • Menubuhkan FIC • Menumpukan kepada pertanian dan pembuatan
RMKe-3 (1975-1980)			
RMKe-4 (1981-1985)			
RMKe-5 (1986-1990)			
RMKe-6 (1991-1995) RMKe-7 (1996-2000)	Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000)	Penyertaan Bumiputera dalam ekonomi yang rendah	• Melaksanakan program pengswastaan • Meningkatkan Tabungan melalui pengukuhan peranan PNB • Menumpukan kepada industri



			berat dan pertanian berskala besar
RMKe-8 (2001-2005)	Dasar Wawasan Negara (2001 – 2010)	Ketidakseimbangan sosial, ekonomi dan wilayah	• Memperkasa peranan institusi Bumiputera termasuk PKEN • Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan profesional • Meliberalisasi garis panduan FIC • Menumpukan kepada sektor perkhidmatan
RMKe-9 (2006-2010)			
RMKe-10 (2011-2015)	Dasar Transformasi Nasional (2011-2020)	Perangkap pendapatan sederhana	• Meningkatkan pendapatan rakyat • Memperluas peluang pekerjaan berpendapatan tinggi • Menumpukan kepada pertanian moden dan pembuatan bernilai tinggi
RMKe-11 (2016-2020)			
RMKe-12 (2021-2025)	Wawasan Kemakmuran Bersama (2021-2030)	Jurang pendapatan dan kekayaan melebar	• Memperkukuh pembangunan inklusif dan mampan • Merapatkan jurang antara Kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantai bekalan

Sumber : Kementerian Ekonomi (2024)

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar dalam usaha untuk membantu orang Melayu Bumiputera untuk meningkatkan kedudukan sosio ekonomi mereka. Antaranya pelbagai dasar telah diperkenalkan, menubuhkan pelbagai agensi-agensi khusus untuk orang Melayu dan Bumiputera.

Menurut Milne (1976), kerajaan telah membuat beberapa perubahan dalam usaha untuk mencapai matlamat DEB dengan penglibatan aktif pelbagai agensi dan institusi kerajaan dalam menjayakan matlamat dasar. Pentadbiran Tun Razak juga mendapatkan pandangan dari James Putuchheary mengenai idea baharu bagi menyelesaikan masalah impak dari peristiwa 13 Mei 1969. Putuchheary memberikan pandangan bahawa campurtangan negara melalui perbadanan awam adalah perlu demi membetulkan keadaan tidak seimbang yang berpunca dari struktur ekonomi tinggalkan penjajah dan kesannya yang berkekalan ke atas hubungan antara kaum di Malaysia (Beng 2007:212).

Keduanya, kerajaan telah membuat perubahan dasar dari dasar tidak campur tangan dalam ekonomi pasaran kepada dasar campur tangan secara aktif (intervensi) dalam pasaran. Kerajaan akan memainkan peranan dalam tadbir urus dan governan yang baik bagi memastikan wujudnya pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam negara. Pada masa yang sama, dasar ini turut memberikan impak yang positif kepada Bumiputera dari sudut ekonomi mereka.

Dalam perbincangan sebelumnya mengenai pembangunan dan dasar afirmatif, kerajaan telah menubuhkan pelbagai agensi khusus dalam kerangka dasar afirmatif bagi mencapai matlamat yang telah dibuat. Salah satu agensi khusus yang ditubuhkan dibawah dasar afirmatif,



bahkan lebih awal lagi dari pelaksanaan dasar untuk membantu orang Melayu yang terpinggir, ialah MARA.

Dalam sektor pendidikan, kerajaan telah menyediakan kuota-kuota khusus untuk kemasukan ke universiti, menyediakan tajaan biasiswa dan penubuhan institusi-institusi pendidikan Bumiputera yang khusus (H. Lee 2017:10). Kerajaan juga telah membanyakkan penubuhan universiti awam dengan menubuhkan beberapa universiti lain seperti Universiti Sains Malaysia (USM) (1969), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (1970), Universiti Pertanian (Putra) Malaysia (1973) dan lain-lain universiti awam yang menyediakan kuota-kuota khas untuk kemasukan Bumiputera. Menurut Rudner (1994:306) lagi penubuhan Institut Teknologi MARA (ITM) yang khusus kepada Bumiputera sahaja telah meningkatkan jumlah Bumiputera di institusi pengajian tinggi dalam bidang profesional dan semi profesional.

Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai bantuan kepada para usahawan Bumiputera dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai Bumiputera yang terlibat dalam bidang keusahawanan. Pelbagai bantuan telah disediakan termasuklah khidmat nasihat, pinjaman perniagaan, penubuhan syarikat dan sebagainya. Syarikat-syarikat Bumiputera juga telah diberikan keutamaan dalam penganugerahan kontrak-kontrak dari pihak kerajaan, dari kontrak yang kecil sehinggalah kontrak yang bernilai tinggi. Penyediaan pinjaman perniagaan oleh MARA dan agensi-agensi lain telah banyak membantu para usahawan dalam memulakan perniagaan dan menjalankan projek-projek yang telah dianugerahkan (Lee, 2017).

Inisiatif untuk menyusun semula corak pekerjaan ini telah dimulakan dalam sektor perkhidmatan awam dan syarikat-syarikat berkepentingan kerajaan (GLC). Penyediaan kuota untuk memasuki perkhidmatan awam telah merubah sektor pekerjaan di kalangan Bumiputera di mana Bumiputera mulai menguasai jawatan-jawatan utama dalam perkhidmatan awam. Agensi-agensi kerajaan juga telah menubuhkan pelbagai anak-anak syarikat yang kemudiannya telah menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada Bumiputera sama ada diperingkat bawah atau pengurusan tertinggi (Lee, 2017).

Penemuan menunjukkan ketidaksamarataan yang tinggi dan berterusan akan memberi kesan negatif kepada prospek pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan. Pada dasarnya, ketidaksamarataan yang berterusan akan memudaratkan pembangunan manakala ekuiti dan kemakmuran adalah pelengkap pembangunan. Ekuiti yang lebih besar juga boleh mengurangkan kemiskinan, meningkatkan pertumbuhan ekonomi, mengembangkan pembangunan dan menyediakan peluang yang lebih besar kepada kumpulan paling miskin dalam masyarakat. Melalui agensi-agensi kerajaan, berlakunya peningkatan dalam pemilikan ekuiti Bumiputera secara drastik di mana agensi-agensi tersebut telah membeli, membina dan menyewakan atau menjualnya kepada Bumiputera.

MARA telah wujud seiring dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) dan antara agensi yang diberi tanggungjawab secara terus untuk mencapai matlamat serampang dua mata DEB iaitu membasmi kemiskinan dan menstruktur semula masyarakat. MARA telah diamanahkan khusus dibawah matlamat untuk menstruktur semula masyarakat melalui pendidikan dan keusahawanan (MARA 2005:11).



KAJIAN LEPAS

Beberapa kajian telah dijalankan untuk melihat mengenai pelbagai dimensi MARA seperti dimensi sejarah, dimensi keusahawanan, dimensi pendidikan, dimensi pelaburan, dimensi pengurusan dan perspektif, dan dimensi politik. Bagaimanapun kajian ini menumpukan kepada dimensi peranan MARA. Zarina Begam bt Hj Abdul Kadir (2013) telah mengkaji tentang sejarah penubuhan RIDA dan kegagalan RIDA dalam membantu Bumiputera. Kerajaan kemudiannya telah menggantikan RIDA dengan MARA dalam kerangka dasar afirmatif dan diberi peranan yang lebih besar dalam membangunkan sosio ekonomi orang Melayu dalam memberikan latihan, pinjaman perniagaan, pengangkutan, Pembangunan usahawan dan perniagaan dan juga khidmat nasihat.

Abdul Karim Haron; et al. (2016) merupakan penulisan mengenai sejarah awal Majlis Amanah Rakyat (MARA), yang diamanahkan untuk pembangunan modal insan dan usahawan dalam kalangan Bumiputera. Selain merakamkan sumbangan sebuah agensi yang telah begitu banyak berjasa bagi bangsa dan negara, tulisan tersebut mengisahkan bagaimana peranan, sumbangan dan pengorbanan puluhan wira dan wirawati tahun-tahun awal kemerdekaan. Penghargaan terhadap kewujudan MARA adalah suatu yang semestinya diberi kepada Tun Razak di mana Tun Razaklah sebagai pemimpin yang telah berjaya memberikan kejayaan MARA sehingga hari ini.

Walaupun penulisan buku telah ditumpukan dan tertumpu hanya hingga pada akhir alaf lalu, meliputi hampir tiga dekad kehadirannya, ia sudah cukup untuk menyatakan bahawa masih banyak yang perlu diusahakan. maka jelas perjuangan yang bermula pada zaman RIDA dan digembur, dipupuk dan dituntut pada Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama, masih belum selesai. Justeru, buku ini membuat kesimpulan bahawa bukan sahaja perjuangan ini belum tuntas dan sempurna, malahan ia perlu diterus, ditingkat dan diperhebatkan. MARA masih relevan bahkan wajib melanjutkan peranan dan tanggungjawabnya. Namun, usaha dan perjuangan ini mestilah bukan sahaja diperbaharui asas dan arahnya, tetapi beberapa anjakan paradigma perlu dilakukan. Di sinilah MARA perlu belajar daripada sejarah, melihat kisah dan teladan daripada usaha lampau, di samping mengambil kira senario di bumi nyata dewasa ini dan yang diunjur atau diandai akan berlaku, perlu dilaksanakan, untuk merangka strategi demi kelangsungan perjuangan dan pencapaian matlamat tersurat dan tersirat. Penulisan ini juga akan memfokuskan bagaimana MARA perlu melonjakkan usaha dalam bidang baharu dan menggunakan strategi terkini serta mantap demi menjamin ia terus menjadi agensi utama dalam membangunkan sosio ekonomi Bumiputera. Penulisan juga telah mencadangkan beberapa tindakan tersurat dan tersirat dilaksanakan oleh MARA dalam mendepani masa depan.

Seterusnya Sudharmin & Arshad Ayub (2019) yang mengkaji mengenai peranan MARA dalam melahirkan Bumiputera professional. Menurut Sudharmin & Arshad Ayub (2019), ianya perlu dilihat dalam dua situasi, pertama persoalan kenapa MARA ditubuhkan



oleh kerajaan dan keduanya ialah dari sudut sejarah kenapa MARA ditubuhkan untuk meningkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu. Penulisan ini menumpukan kepada tiga perkara penting iaitu pertamanya mengenai peranan MARA dalam konteks dasar afirmatif dibawah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, keduanya mengkaji mengenai sejarah penubuhan MARA dan ketiganya melihat kepada sumbangan MARA dalam pembangunan modal insan Bumiputera. Sudharmin & Arshad Ayub (2019) menyimpulkan bahawa MARA telah memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan Bumiputera professional dan juga usahawan-usahawan Bumiputera. Juga merumuskan peranan besar yang telah dimainkan oleh Tun Razak sebagai arkitek utama pembangunan Bumiputera di Malaysia. Sudharmin & Arshad Ayub juga menegaskan bahawa MARA perlu senantiasa bersedia dengan globalisasi dan perubahan teknologi, untuk memastikan MARA kekal relevan dan mampu untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Ujarnya *“Planning is essential to take account of this rapidly unfolding developments”*.

Kajian Ab Bassit Husain (2023) mengenai rekayasa sosial yang telah dirancang oleh Malaysia selepas peristiwa 13 Mei 1969 melalui pelaksanaan dasar afirmatif, penubuhan institusi-institusi yang mempunyai peranan khusus telah memberikan impak yang sangat positif kepada pembangunan sosio-ekonomi Bumiputera di Malaysia. Walaupun sehingga kini, rekayasa sosial dengan dasar afirmatif telah dikritik sebagai dasar yang berbentuk diskriminasi, akan tetapi secara khususnya kejayaan yang dicapai oleh orang Melayu Bumiputera melalui bidang pendidikan untuk melahirkan golongan profesional dan tenaga kerja mahir amat membanggakan. Orang Melayu Bumiputera sebagai anak watan Malaysia kini boleh berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dalam soal ekonomi dan pembangunan negara.

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini, kajian ini memberikan satu dimensi baharu mengenai amanah-amanah MARA yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada MARA. Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, kajian terperinci mengenai amanah-amanah MARA mengikut rancangan-rancangan Malaysia belum lagi dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Objektif utama kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji dan menganalisis amanah-amanah yang telah diberikan oleh kerajaan kepada MARA dalam mengurus ketidakseimbangan sosial, kemiskinan dan kepinggiran dalam masyarakat Melayu dan Bumiputera.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan dokumen rekod awam, iaitu dokumen Rancangan-Rancangan Malaysia (RMK). Dokumen RMK ini membolehkan pengkaji mencari, mengenalpasti serta menganalisis amanah-amanah yang telah diberikan oleh kerajaan kepada pihak MARA

Teknik analisis data merupakan satu teknik yang digunakan untuk mengolah maklumat umum kepada satu bentuk maklumat khusus mengikut ciri tertentu yang telah ditetapkan oleh objektif penyelidikan. Maklumat atau data umum dalam kajian ini ialah diperolehi melalui laporan berkaitan dengan tema MARA dari dua dokumen utama iaitu dokumen Rancangan-



Rancangan Malaysia dan Dokumen Laporan Tahunan MARA. Teknik analisis yang digunakan dalam menganalisa data atau maklumat dalam kajian ini ialah teknik analisis isi kandungan.

DAPATAN KAJIAN

Analisis kandungan telah dijalankan melalui pengkodan carian “MARA” dan kata kunci yang berkaitan dengan MARA yang menumpukan kepada frekuensi atau kekerapan MARA dalam dokumen rancangan Malaysia. Analisis kandungan mengenai kekerapan ini sangat penting bagi menunjukkan kedudukan dan kepentingan agensi MARA di mata pihak pemerintah. Rajah 6.1 menunjukkan frekuensi atau kekerapan MARA dalam dokumen rancangan Malaysia.

TUJUAN MARA DITUBUHKAN

Berikut merupakan beberapa petikan kenyataan yang merujuk kepada tujuan MARA ditubuhkan oleh pemerintah dalam rancangan-rancangan Malaysia yang dianalisis.

RMKe-1 :

Pelbagai perkhidmatan dan kemudahan yang akan disediakan oleh MARA adalah luas dan perlu pergi jauh ke arah membantu Bumiputera untuk mengambil bahagian secara berkesan dalam pembangunan industri dan komersial negara.

RMKe-10:

Peranan institusi khusus Bumiputera seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan terus dipertingkatkan bagi menyokong agenda pembangunan Bumiputera.

RMKe-12 :

Peranan MARA akan diperkukuh berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta MARA 1966. MARA akan meneroka model pembangunan baharu untuk terus memacu kemajuan dalam meningkatkan kedudukan sosioekonomi Bumiputera. MARA juga akan terus terlibat dalam beberapa aktiviti komersial dan perindustrian untuk mewujudkan lebih banyak peluang kepada usahawan Bumiputera. Tambahan pula, MARA akan memainkan peranan penting untuk meneroka potensi ekonomi Tanah Rizab Melayu.

Tujuan penubuhan MARA telah dinyatakan dalam RMK 1, 2, 3, 10, dan 11. Ini membayangkan penekanan semula atau penilaian semula objektif teras MARA semasa rancangan-rancangan ini. Berdasarkan kepada petikan-petikan dalam Rancangan-Rancangan Malaysia yang menyentuh mengenai amanah dan aspirasi yang diberikan oleh kerajaan kepada MARA, dapat disimpulkan bahawa MARA adalah sebagai agensi utama yang diberikan harapan oleh pemerintah dalam usaha untuk membantu dan mempertingkatkan kedudukan sosio-ekonomi orang Melayu melalui daya usaha untuk menubuhkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) melalui keusahawanan, pendidikan dan meningkatkan ekuiti di kalangan Bumiputera.



ANALISIS KEKERAPAN MARA DALAM RANCANGAN-RANCANGAN MALAYSIA

Analisis kandungan telah dijalankan melalui pengkodan carian “MARA” dan yang berkaitan dengan MARA yang menumpukan kepada frekuensi atau kekerapan MARA dalam dokumen rancangan Malaysia. Analisis kandungan mengenai kekerapan ini sangat penting bagi menunjukkan kedudukan dan kepentingan agensi MARA di mata pihak pemerintah. **Rajah 6.1** menunjukkan frekuensi atau kekerapan MARA dalam dokumen rancangan Malaysia.

Jadual 4 : Kod-Kod yang Dihasilkan Berdasarkan Analisa Tematik

Kod -Kod	RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN MALAYSIA (RMK)											
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Latihan Keusahawanan	2	1	4	4	3		1	1	3	3	2	
Bas MARA	1	2			1							
Biasiswa Dan Pinjaman Pendidikan	1		2			1					1	
Dewan Latihan MARA	1											
Kemudahan Sokongan Untuk Penyertaan Bumiputera	1			2								
Khidmat Nasihat Perniagaan	1	1	3	4	2			1				
Mewujudkan Industri Baharu	1											
Pelaburan MARA	2	1			1							1
Pembudayaan Usahawan	1											
Pinjaman Perniagaan	1	2	12	6	2	1	1	1		2	1	
Tujuan MARA	1	3	1							3		2
Amanah Saham MARA		5	3		1				1			
British Malaysia Institute (BMI)								2				
Elaun Pelajar				1								
German Malaysia Institute (GMI)							1	1		1		
Hak Milik Saham Bumiputera		1	3	1					1			
Institut Kemahiran MARA (IKM)				6	4	2	1			1		




Institut Perdagangan MARA				1								
Institut Teknologi MARA (ITM)		2	14	6	2	2	4					
Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm)										1		
Kompleks Kewangan Malaysia Bhd			2	1								
Latihan Kemahiran		4	15	1		1	3		1	1	2	1
Latihan Kemahiran Antarabangsa									1			
Latihan Kemahiran Bukan Melayu									1			
Latihan Keusahawanan Bukan Melayu									1			
Latihan Praktikal								1				
Literasi Pelaburan												1
MARA Holdings Sdn. Bhd.								1				
MARA Shipyard & Engineering (Terengganu)								1				
Masmara Sendirian Berhad				1								
Malaysia France Institute (MFI)							1	2				
MPPB - Keusahawanan				1								
Maktan Rendah Sains MARA (MRSM)			3	3	1				2	2		5
Pelajar Luar Negara			1									
Pembangunan Modal Insan Bumiputera												3
Pembangunan Usahawan							1				1	
Pembinaan Rumah Murah			1									
Pengswastan	1	2						1				
Penubuhan Syarikat		4	1									
Perdagangan Borong						2						



dan Runcit												
Program Inkubator										1	1	
Projek industri		5										
PusatGIAT MARA						1	2		3	1	1	
Ruang Niaga / Premis Perniagaan		2		6	3	2	1	4			1	1
Syarikat Berkaitan Kerajaan		3	2	1						1		
Tenaga Manusia Mahir dan Separuh Mahir											1	
Technical Vocational Education and Training (TVET)										1		2
Universiti Kuala Lumpur (UniKL)										1		

Berdasarkan Rajah 4 di atas, menunjukkan kekerapan nama MARA dalam dokumen Rancangan-rancangan Malaysia bermula dari Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia ke Dua belas. Data menunjukkan bahawa peranan MARA sebagai sebuah agensi pelaksana sangat diberikan keutamaan oleh kerajaan bermula dari Rancangan Malaysia Pertama, dan menjadi institusi utama dalam Rancangan Malaysia ke Tiga. Kekerapan MARA dalam RMKe-1 ialah sebanyak 14 kali, meningkat kepada 38 kali dalam RMKe-2 dan menjadi agensi yang sangat penting dalam RMKe-3 dengan 67 kali kekerapan. Mulai RMKe-4, kekerapan MARA mulai berkurangan dari 45 kali, kepada kekerapan di antara 20 dan 11 dalam dalam RMK-RMK berikutnya.

Rajah 1: Kekerapan Carian MARA Dalam Rancangan-Rancangan Malaysia






Peningkatan kekerapan MARA dalam RMKe-2 dan RMKe-3 memandangkan ianya adalah permulaan kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB), manakala dalam RMK 3 pula, MARA telah menjadi antara agensi utama dalam mencapai hasrat DEB dengan amanah dalam pengstruktur semula masyarakat. Kerajaan telah membuat pelbagai langkah intervensi yang bertujuan untuk meningkatkan kedudukan dan keupayaan bumiputera dalam soal ekonomi. Peranan MARA kekal dalam kekerapan yang sama dalam rancangan-rancangan Malaysia yang lainnya memandangkan pelbagai agensi lain telah ditubuhkan oleh pemerintah dalam usaha membangunkan sosio ekonomi negara.

Analisis kekerapan atau frekuensi MARA memperlihatkan satu trend perubahan yang melibatkan amanah-amanah yang diberi kepada MARA, bergantung kepada perubahan masyarakat, krisis-krisis politik yang berlaku dan perubahan dalam pendekatan pembangunan dan ekonomi negara. Perubahan pembangunan dan ekonomi negara yang bergerak mengikut pasaran yang bermula dengan pasaran bebas tanpa sebarang intervensi kerajaan dalam pasaran, kemudian pasca krisis 13 Mei 1969 memperlihatkan perubahan dasar pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan serta bermula bermulanya intervensi kerajaan dalam ekonomi secara aktif. Di zaman Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri, Malaysia dilihat kembali kepada sistem ekonomi pasaran bebas dengan pelancaran dasar Wawasan 2020, untuk Malaysia menjadi sebuah negara maju. Di era Datuk Seri Najib Razak kemudiannya, menetapkan dasar untuk Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, dan kini di era politik Malaysia yang berubah pucuk kepimpinan, maka dasar-dasar pembangunan juga menerima tempias, dimana dasar-dasar pembangunan ekonomi sebagai pertumbuhan dengan pengagihan dalam suasana politik orang Melayu yang tidak kukuh dan stabil, maka timbulnya kembali isu ketidakseimbangan sosio-ekonomi orang Melayu dan bumiputera. Jelasnya amanah-amanah yang diberikan oleh pemerintah kepada pihak MARA adalah mengikut kepada perubahan arus pembangunan negara dan MARA dilihat sebagai satu agensi yang sangat penting dalam proses pembangunan negara.

Jika dilihat secara lebih mendalam amanah-amanah yang diberikan kepada MARA mengikut RMK-RMK pula, kod-kod yang mempunyai kekerapan yang tertinggi adalah ITM, pinjaman perniagaan, latihan Kemahiran, latihan keusahawanan, menyediakan ruang niaga / premis perniagaan, MRSM dan IKM. Kekerapan-kekerapan tertinggi ini menunjukkan kepada MARA apakah amanah-amanah utama yang perlu dilaksanakan.

Rajah 2 : Kekerapan-Kekerapan Tertinggi Mengikut Kod



AMANAHA-AMANAHA MARA : ANALISIS TEMATIK

Menerusi proses pengkodan amanah-amanah pemerintah kepada MARA yang dapat dilihat melalui Jadual 5 , tiga tema utama telah dibentuk melalui proses deduktif melalui proses pengkodan tersebut. Tiga tema utama tersebut adalah amanah-amanah yang diberikan oleh pemerintah kepada MARA iaitu dalam mengstruktur semula masyarakat iaitu tema keusahawanan, tema pendidikan dan dan tema pelaburan. Ianya dapat dilihat secara jelas dalam Jadual dibawah, mengikut tema dan sub tema

Jadual 5 : Kod-Kod dan Tema yang Dihasilkan Berdasarkan Analisis Tematik


Tema	Sub Tema	Kod	Frekuensi
Keusahawanan	1. . Latihan	▪ Latihan Keusahawanan	24
		▪ Khidmat Nasihat Perniagaan	12
		▪ Pembangunan Usahawan	2
		▪ Pembudayaan Usahawan	1
		▪ Kemudahan sokongan untuk penyertaan bumiputera	3
		▪ Latihan Keusahawanan Bukan Melayu	1
		▪ Program Inkubator	2
	2. Bantuan Pinjaman	▪ Pinjaman Perniagaan	29
	3. Ruang Niaga /	▪ Premis Perniagaan	20



	Premis Perniagaan		
Pendidikan	1. Pendidikan Tinggi	▪ ITM	30
		▪ Latihan Kemahiran	29
		▪ Latihan Kemahiran Antarabangsa	1
		▪ Latihan Kemahiran Bukan Melayu	1
		▪ Institut Kemahiran MARA (IKM)	14
		▪ PusatGIAT MARA (GIAT)	8
		▪ German Malaysia Institute (GMI)	3
		▪ Malaysia France Institute (MFI)	3
		▪ TVET	3
		▪ British Malaysia Institute (BMI)	2
		▪ Dewan Latihan MARA	1
		▪ Institut Perdagangan MARA	1
		▪ Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM)	1
		▪ UniKL	1
		▪ Latihan Praktikal	1
	2. Pendidikan Menengah	▪ Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)	16
	3. Biasiswa dan Pinjaman Pendidikan	▪ Biasiswa Dan Pinjaman Pendidikan	5
		▪ Elaun pelajar	1
		▪ Pelajar Luar Negara	1
	4. Tenaga Manusia Mahir dan Separuh Mahir	▪ Tenaga Manusia Mahir dan Separuh Mahir	1
Pelaburan	1. Pemilikan Saham Bumiputera	▪ Amanah Saham MARA	10
		▪ Kompleks Kewangan Malaysia Berhad	3
		▪ Literasi Pelaburan	1
	2. Penubuhan Anak-Anak Syarikat	▪ Pelaburan MARA	5
		▪ MARA Holdings Sdn. Bhd	1
		▪ Masmara Sendirian Berhad	1
		▪ MARA Shipyard & Engineering (Terengganu)	1
		▪ Pengswastaaan	4
		▪ Syarikat Berkaitan Kerajaan	7
		▪ Projek Industri	5
		▪ Mewujudkan industri baharu	1
		▪ Perdagangan Borong dan Runcit	2
	3. Pengangkutan Luar Bandar	▪ Bas MARA	4
	4. Pembinaan Rumah Murah	▪ Pembinaan Rumah Murah	1

Tema-tema amanah-amanah MARA memberikan pandangan berharga tentang keutamaan sejarah dan evolusi strategi MARA dalam kerangka rancangan pembangunan negara Malaysia. Ia jelas menunjukkan fokus yang konsisten pada pendidikan, pembangunan kemahiran, dan keusahawanan untuk Bumiputera, dengan anjakan dalam program khusus dan penekanan institusi dari semasa ke semasa untuk menyesuaikan diri dengan landskap ekonomi dan matlamat nasional yang berubah.

Rajah 3: Perbandingan Amanah Mengikut Tema Sektor



Berdasarkan kepada Rajah 3 menunjukkan bilangan amanah MARA mengikut sektor iaitu keusahawanan, pelaburan, dan pendidikan dalam setiap Rancangan Malaysia (RMK-1 hingga RMK-12). Ddapat diperhatikan bahawa amanah pendidikan menjadi amanah utama yang diberikan perhatian oleh kerajaan berbanding dengan amanah-amanah lain. Data juga menunjukkan bahawa jumlah amanah meningkat secara mendadak dari RMK-1 ke RMK-4, dengan kemuncak pada RMK-3 manakala amanah pendidikan mencatat jumlah tertinggi dalam RMK-3 dan RMK-4.

Selepas RMK-4, terdapat penurunan drastik dalam jumlah amanah keseluruhan, dan trend ini stabil dalam RMK-6 hingga RMK-12. Rajah 3 juga menunjukkan amanah keusahawanan dan pendidikan kekal konsisten dalam RMK-6 ke atas, manakala amanah pelaburan sangat rendah selepas RMK-4. Ini menunjukkan MARA memberi fokus kuat kepada pendidikan dan keusahawanan sejak awal, dengan pelaburan sebagai amanah yang kurang dominan sejak pertengahan pelaksanaan RMK



Keusahawanan

MARA telah diberikan amanah yang sangat besar dalam bidang keusahawanan, iaitu kerajaan telah berhasrat untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian dalam kalangan Bumiputera bermula dari Rancangan Malaysia pertama lagi. Jika dilihat secara gambaran umum dari RMKe-1 sehingga RM Ke-12, amanah-amanah MARA dalam usaha untuk membangunkan keusahawanan di kalangan orang Melayu dapat dilihat dari pelbagai aspek. Dalam RMKe-1 (Malaysia 1965:137) kerajaan telah memberikan satu penumpuan khusus untuk menggalakkan penyertaan orang Melayu dan Bumiputera dalam bidang pembangunan industri. Kerajaan menyedari bahawa antara masalah utama yang dihadapi oleh orang Melayu ialah kekurangan modal untuk memulakan perniagaan dan keduanya kekurangan ilmu pengurusan perniagaan dan industri. Justeru itu, MARA telah diamanahkan untuk menyediakan fasiliti dan peluang kepada orang Melayu dan Bumiputera agar mereka dapat terjun kedalam bidang perniagaan dan industri.

Dalam RMK Ke-2 (1971-1975:15) dinyatakan secara jelas amanah MARA, iaitu “*..to assist and promote the participation of Malays and other indigenous people in commerce and industry*”. Amanah untuk melahirkan orang Melayu dan Bumiputera yang bergiat aktif dalam bidang perdagangan dan industri adalah satu amanah yang sangat besar dan berat jika dilihat kepada situasi ekonomi orang Melayu pada awal-awal kemerdekaan yang menyaksikan penguasaan ekonomi berada di tangan orang pemilik asing dan bukan Melayu.

Matlamat utama kerajaan melalui amanah yang diberikan kepada MARA ini akhirnya ialah kepada penciptaan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Matlamat ini akan memberikan impak yang sangat besar kepada orang Melayu dan Bumiputera untuk bersaing dengan etnik-etnik lain dalam bidang perdagangan dan perindustrian di Malaysia, agar pembahagian kek ekonomi akan menjadi seimbang akhirnya.

Pendidikan

MARA telah diberikan peranan yang amat besar dalam membantu kerajaan mencapai matlamat pembangunan negara dan khususnya untuk mencapai hasrat DEB dalam menyusun semula masyarakat melalui sektor pendidikan. Dalam RMKe-2 (Malaysia 1970:137) dinyatakan bahawa amanah yang diberikan kepada MARA dalam membantu matlamat kerajaan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang pembangunan industri ialah melalui bidang pendidikan dan latihan.

MARA telah diberikan amanah khusus dalam sektor pendidikan teknikal untuk memenuhi kehendak keperluan tenaga kerja semasa. Menerusi RMKe-4 (Malaysia 1981:236).

Penekanan program pendidikan dan latihan semasa Rancangan Malaysia Keempat adalah untuk memperluaskan dan meningkatkan lagi kecekapan mereka sebagai instrumen penting dalam memenuhi keperluan tenaga kerja dan mencapai objektif



Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Amanah kerajaan kepada MARA dalam bidang pendidikan ialah untuk membantu orang Melayu dan bumiputera secara khusus, dengan memberikan peluang dan ruang yang diperlukan dalam bidang pendidikan. Dalam RMKe-3, kerajaan menyedari kaum bumiputera berada dalam situasi kemiskinan dan keadaan tersebut akan menyukarkan proses integrasi nasional dan perpaduan jika soal ketaksamaan ekonomi gagal diurus dengan baik oleh kerajaan. Polisi dan program yang khusus untuk membantu bumiputera terpinggir, dalam usaha untuk mengurangkan jurang ekonomi antara etnik-etnik utama negara.

“..Fokus dasar dalam hal ini akan terus menjadi keperluan untuk mengurangkan perbezaan dalam pemilikan dan kawalan kekayaan dalam sektor moden dan untuk mengurangkan fokus pekerjaan di kalangan orang Melayu dan Bumiputera hanya dalam pertanian tradisional dengan meningkatkan kedudukan mereka dalam sektor bandar yang lebih luas peluang ekonominya. (Malaysia 1976: 44).

Tindakan pengstruktur semula boleh dan akan diambil untuk melibatkan lebih ramai bumiputera dalam sektor-sektor utama dan seterusnya akan memperbaiki komposisi etnik dalam struktur guna tenaga di Malaysia. Penekanan yang sama juga dinyatakan oleh kerajaan dalam RMKe- 9 di mana dinyatakan bahawa “pendidikan dan latihan akan kekal sebagai strategi penting bagi mencapai objektif meningkatkan guna tenaga Bumiputera dalam pekerjaan profesional, pengurusan dan pekerjaan berpendapatan tinggi lain terutamanya dalam sektor perkhidmatan serta sektor lain yang moden dan berproduktiviti tinggi (Malaysia 1970:25).

Pelaburan dan Meningkatkan Ekuiti

Pada peringkat awal, amanah pelaburan disekalikan dengan dengan peranan MARA dalam usaha untuk melahirkan masyarakat Melayu Bumiputera yang terlibat dalam bidang keusahawanan dan perdagangan. Dalam RMKe-1 (Malaysia 1965:137), dinyatakan bahawa :

MARA akan menambah fungsi syarikat pelaburan Nasional dengan membeli saham yang dikhaskan untuk Bumiputera dan syarikat lain dan menguruskannya sehingga ianya boleh dijual kepada Bumiputera.

Isu penglibatan orang Melayu yang sangat kecil dalam sektor perdagangan dan perusahaan memang disedari oleh pihak kerajaan, Penglibatan yang kecil itu telah memberi impak kepada pemilikan ekuiti dan aset di kalangan orang Melayu bumiputera. Dalam usaha untuk melahirkan komuniti masyarakat Melayu dalam bidang perdagangan dan perindustrian, kerajaan telah merancang untuk meningkatkan ekuiti orang Melayu melalui pembelian aset-aset dan saham dalam usaha untuk meningkatkan pemegangan ekuiti orang Melayu dan Bumiputera. Dalam RMKe-2 (Malaysia 1971:160) dinyatakan bahawa matlamat pelaburan



yang diberikan kepada MARA ialah untuk meningkatkan pemilikan aset dikalangan orang Melayu dan Bumiputera.

Kemudahan akan dibangunkan untuk meningkatkan pemilikan aset modal Melayu dan Bumiputera, terutamanya dalam modal ekuiti syarikat dalam sektor ekonomi moden. Pada peringkat awal di mana institusi seperti MARA, PERNAS dan SEDC membeli saham ekuiti secara kerjasasama dengan sektor swasta, saham-saham tersebut kemudiannya akan dipindahkan kepada pemilikan individu Melayu dan Bumiputera. Dengan itu, simpanan isi rumah mereka akan digerakkan dan dilaburkan melalui unit Amanah dan saluran pelaburan lain.

Selain MARA, beberapa agensi lain juga turut diberikan amanah dalam usaha untuk menjayakan hasrat kerajaan untuk melahirkan “Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Melayu” dengan meningkatkan pemilikan ekuiti orang Melayu. Antara agensi yang diberikan amanah tersebut adalah Perbadanan Nasional (PERNAS), Lembaga Pembangunan Bandar (UDA), Bank Bumiputra, Bank Pembangunan dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDC). Agensi-agensi tersebut telah berjaya memperoleh saham korporat berjumlah RM541 juta untuk dipegang sebagai amanah untuk orang Melayu dan Bumiputera sehinggalah mereka berada dalam kedudukan untuk memiliki saham tersebut dengan modal yang mereka ada.

Amanah yang diberikan kepada MARA dalam sektor pelaburan ialah untuk membuka syarikat, membeli ekuiti syarikat dan kemudiannya menyerahkannya melalui pengswastaan kepada orang Melayu dan Bumiputera yang layak. Tujuan utamanya ialah untuk meningkatkan jumlah pemilikan ekuiti dikalangan orang Melayu dan Bumiputera dengan kadar yang seberapa segera. Dalam RMKe-4 (Malaysia 1980:108) disebut secara jelas matlamat pelaburan MARA melalui agensi-agensi tersebut iaitu :

The investment strategy for the trust agencies will focus on the high growth industries and those where current Bumiputera share capital ownership is relatively low.

Kerajaan berhasrat untuk memindahkan kepentingan kerajaan dalam pemilikan-pemilikan saham dan ekuti dalam syarikat-syarikat kepada individu dan pihak yang berminat mulai tahun 1981.

ANALISA TREND DAN TRANSFORMASI AMANAH MARA

Analisis trend dasar MARA dalam Rancangan Malaysia Pertama hingga Kedua Belas (RMK1–RMK12) pula menunjukkan transformasi Amanah-amanah yang diberikan kepada MARA bergantung kepada keperluan semasa kerajaan. Secara jelasnya berdasarkan analisa trend amanah MARA, ianya boleh dibahagikan kepada empat fasa utama, pertamanya fasa permulaan, fasa pengembangan dan pemelbagaian, fasa pengukuhan institusi dan kini fasa dasa saing global dan inklusiviti.

Jadual 6 : Analisa Trend Fasa Transformasi MARA

	Fasa Permulaan RMKe-1 – RMKe-3	Fasa Pengembangan & Pemelbagaian	Pengukuhan Institusi (RMK7–RMK9:	Daya Saing Global & Inklusiviti
--	-----------------------------------	-------------------------------------	-------------------------------------	------------------------------------



		(RMK4–RMK6: 1980-an–1990-an)	1996–2010)	(RMK10–RMK12: 2011–2025)
Fokus Utama	- Infrastruktur Asas,	- Penyertaan Ekonomi	- Pemodenan Institusi MARA	- Teknologi Tinggi
	- Penyertaan Bumiputera	- Pembangunan Kemahiran	- Pengembangan Akses Pendidikan	- Inklusiviti,
	- Akses Pendidikan	- Perindustrian		- TVET
Inisiatif	- Bas MARA - Dewan Latihan MARA - Pinjaman perniagaan - Penubuhan ITM - Latihan Kemahiran Asas	- Pertumbuhan Ketara : Pemberian pinjaman keusahawanan meningkat (contohnya, 12 entri dalam RMK3), ITM dan IKM diperluas.	- Institusi Baharu: Penubuhan GMI, MFI, BMI, peluasan MRSM, dan penubuhan MARA Holdings	- Bidang Tumpuan Baharu: TVET dan kemahiran teknikal selaras dengan Revolusi Industri 4.0.
		- Program Baharu: Penekanan kepada khidmat nasihat keusahawanan, industri baharu, sokongan kewangan dan penubuhan syarikat.	- Keusahawanan: Sokongan berterusan dalam bentuk pinjaman, latihan, dan penyediaan premis perniagaan.	- Latihan inklusif: program untuk komuniti bukan Melayu, pendedahan antarabangsa, dan celik pelaburan
		- Pembangunan Kemahiran: - Dorongan kuat terhadap pendidikan teknikal melalui IKM, ITM dan latihan vokasional.	- Akses Pendidikan: Penekanan kepada biasiswa, elaun, dan penghantaran pelajar ke luar negara.	- Institusi Baharu: Penubuhan KKTM, UniKL, serta pelaksanaan program di bawah kerjasama global.
				Modal Insan: Pengenalan program seperti “Pembangunan Modal Insan Bumiputera.”
Hasrat	Dasar ini bertujuan untuk menyediakan akses asas kepada pendidikan, latihan kemahiran, dan mobiliti luar bandar bagi masyarakat Bumiputera, dengan matlamat yang lebih			



	luas untuk mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi dan memacu pembangunan negara yang inklusif.			
Ciri-Ciri	- Memberikan tumpuan terhadap pemerksaan Bumiputera melalui pendidikan dan pemilikan ekuiti. - Institusi awal seperti ITM dan GIAT MARA telah ditubuhkan. - Sokongan kepada keusahawanan agak terhad tetapi tetap wujud.			
Arah Tujuan	Membina asas bagi pembangunan sosioekonomi Bumiputera	Membina golongan usahawan Bumiputera yang berkemahiran dan berdikari bagi menyokong matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).	Menginstitusikan MARA sebagai peneraju dalam bidang pendidikan, latihan industri, dan pembangunan keusahawanan selari dengan Wawasan 2020.	Mengubah MARA daripada institusi berfokus domestik kepada agensi yang kompetitif di peringkat global, inklusif dan berorientasikan masa depan.

Amanah-amanah yang diberikan kepada MARA adalah disesuaikan dengan dasar-dasar keutamaan kerajaan semasa dan juga peranan MARA sebagai sebuah agensi khusus untuk membangunkan kedudukan ekonomi orang Melayu Bumiputera yang inklusif, progresif, dan berpaksikan keupayaan teknologi serta inovasi. Pertamanya daripada hanya memberi akses kepada Pendidikan, MARA telah berkembang menjadi peneraju nasional dalam latihan dan pendidikan, dengan melahirkan tenaga-tenaga manusia mahir dan separuh mahir yang diperlukan negara dalam Pembangunan.

Keduanya dalam soal keusahawanan, bermula dengan matlamat untuk melahirkan usahawan Bumiputera sahaja kepada pertumbuhan inklusif. Walaupun masih berteraskan Bumiputera, dasar terkini turut merangkumi komuniti bukan Melayu dan inisiatif bertaraf global. Begitu juga dalam pelaburan, daripada sokongan mikro kepada pelaburan berimpak tinggi, penglibatan MARA dalam TVET, UniKL, MARA Holdings, dan pelaburan industri menunjukkan kesan ekonomi yang lebih luas dan strategik.



KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, amanah-amanah yang telah diberikan oleh kerajaan kepada MARA telah berkembang secara dinamik sejajar dengan perubahan struktur ekonomi negara. Daripada menyediakan kemudahan asas dan peluang pendidikan untuk masyarakat luar bandar, MARA kini menjadi peneraju dalam bidang pendidikan tinggi teknikal, keusahawanan berteknologi, dan pelaburan strategik. Fasa-fasa perkembangan MARA memperlihatkan bagaimana dasar yang fleksibel dan berasaskan data mampu mengekalkan relevansi sesebuah agensi pembangunan dalam mencapai hasrat kerajaan untuk meningkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu dan Bumiputera.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penaja iaitu Majlis Amanah Rakyat dan Universiti Kuala Lumpur.

RUJUKAN

- Ab Bassit Husain. (2023). Rekayasa Sosial dan Penstrukturan Semula Masyarakat: Peranan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam Pembentukan Kelas Profesional Melayu. In *Pembangunan Wacana dan Wacana Pembangunan* (pp. 131–154). Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Karim Haron;, Mohd. Tajuddin Jali;, Raja Fuziah Raja Tun Uda, & Talib, R. (2016). *MARA : Perjuangan Yang Belum Selesai*. Penerbit UKM.
- Abdul Rahman Embong. (2000). Perindustrian, Peranan Pemerintah dan Pembentukan Kelas Menengah. In Abdul Rahman Embong (Ed.), *Negara, Pasaran dan Pemodenan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abraham, C. E. R. (1997). *Divide and rule: The roots of race relations in Malaysia*. Insan.
- B, S. A. (n.d.). *THE ECONOMIC DIMENSION OF MALAY NATIONALISM-The Socio-Historical Roots of the New Economic Policy and Its Contemporary Implications*.
- Beng, O. K. (2007). *Bukan Kerana Pangkat: Tun Dr Ismail dan Masanya*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Dahl, R. A. (1975). *Polyarchy: Participation and Opposition*. Yale University Press.
- Faaland;, J., Parkinson;, J., & Rais bin Saniman. (1991). *Dasar Ekonomi Baru : Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*. Spektra.
- Giddens, A., & Sutton, P. W. (2013). *Sociology*. Polity.
- Kementerian Ekonomi. (2024). Kedudukan Semasa Sosioekonomi Bumiputera: Satu Penelitian. *Kongres Ekonomi Bumiputera 2024*.
- Lee, H.-A. (2017). Majority Affirmative Action In Malaysia: Imperatives, Compromises And Challenges. *Southeast Asian Affairs, March*, 211–228.
- Livesey, C. (2012). *Social Inequality : Theories : Weber*.
- Majlis Amanah Rakyat. (2006). *Laporan Tahunan MARA 2005*.
- Malaysia. (1965). *Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970*.



- Malaysia. (1971). *Rancangan Malaysia Kedua*.
- Malaysia. (1980). *Rancangan Malaysia Ke-4 : 1981-1985*. In *Fourth Malaysia Plan (1981-1985)*.
- Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010: Mencapai Pertumbuhan dengan Pengagihan*.
- Malaysia. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*.
- McMichael, P. (2004). *Development and Social Change: A Global Perspective*. SAGE Publications Inc.
- Olson, J. M. (2010). *Annals of the Association of American*. 42(September 2013), 37–41.
- Piketty, T. (2014). *Capital in the Twenty-First Century*. The Belknap Press of Harvard University Press.
- Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Perancangan Pembangunan Sosioekonomi: Dasar, Strategi dan Perlaksanaan*. In A. R. Embong (Ed.), *Negara, Pasaran dan Pemodenan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roff, W. R. (2003). *Nasionalisme Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Roslan, A. H. (2001). *Income inequality, poverty and development policy in Malaysia. Conference on Poverty and Sustainable Development*, Vol. 4.
- Rudner, M. (1994). *Malaysian Development: A Retrospective*. Carleton University Press.
- Salleh, I., & Rani, H. O. (1991). *The Growth of Public Sector in Malaysia*. Institut of Strategic and International Studies, Malaysia.
- Sen, A. (1999). *Deveelopment as freedom*. In *Anchor Books, New York*. Alfred A. Knopf.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2005). *The Construction and Management of Pluraslism: Sharing the Malaysian Experience*. *ICIP Journal*, 2(1), 1–14.
- Sowell, T. (2004). *Affirmative Action Around The World: An Empirical Study*. Yale University
- Stiglitz, J. E. (2012). *The Price of Inequality: How today's divided society endangers our future*. W.W. Norton & Company, Inc. <https://doi.org/10.1080/0305498750010107>
- Sudharmin, K., & Arshad Ayub. (2019). *The Role of MARA in Developing Bumiputras*. In R. Rasiah & K. Salih (Eds.), *Driving Development: Revisiting Razak's Role in Malaysia's Economic Progress*. University of Malaya Press.
- Todaro, M. P., & Smith, S. C. (2015). *Economic Development (Kedua Bela)*. Pearson.
- World Bank. Economic Mission to Malaya. (1955). *The Economic Development of Malaya: Report of a Mission Organized by the International Bank for Reconstruction and Development at the Request of the Governments of the Federation of Malaya, the Crown Colony of Singapore and the United Kingdom*. John Hopkin Press.
- Zakaria Ahmad. (1983). *Struktur Politik*. In H. Osman-Rani & E. K. Fisk (Eds.), *Ekonomi Politik Malaysia*. Fajar Bakti.
- Zarina Begam bt Hj Abdul Kadir. (2013). *The Role of MARA (The Council of Trust for Indigenous Peoples) in Enforcing Affirmative Action in Malaysia*. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 2(11), 193–202.



Ab Bassit Husain
Universiti Kuala Lumpur
Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT)

Shamsul Amri Baharuddin
Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (KITA UKM)
Corresponding Author : abshamsul@gmail.com